

10 NOV 1997

THB INDUSTRIES RAMAL UNTUNG RM15.9 JUTA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- THB Industries Bhd, yang bakal disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) meramalkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM15.902 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun, 1998, berbanding dengan RM14.51 juta pada 1997.

Dalam prospektusnya hari ini, ia menyatakan pendapatan sesaham (EPS) bagi syarikat diramalkan pada 22.83 sen dengan perolehan harga (PE) berbilang sebanyak 10.95 kali.

THB menawarkan untuk jualan sejumlah 12.262 juta saham pada harga tawaran RM2.50 sesaham yang akan menghasilkan sejumlah RM30.655 juta.

Daripada jumlah tawaran jualan itu, 4.2 juta saham akan diperuntukkan kepada langganan awam dan 912,000 saham dikhaskan untuk pengarah dan kakitangan kumpulan yang layak serta Tongkah Equity Sdn Bhd, pemegang saham utama.

Sejumlah 1.812 juta saham lain diperuntukkan kepada pemegang saham Bumiputera yang sedia ada, iaitu Mohd Zabdi Zamrod dan Farid Kamal Hussain, manakala baki 5.338 juta saham kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan Noorzalila Ismail, Mokhzani Mahathir dan perbadanan Bumiputera.

Syarikat itu yang terletak di Taman Perindustrian Bayan Lepas di Pulau Pinang, bergiat dalam industri kejuruteraan jitu, iaitu satu cabang industri kepada industri elektronik. -- BERNAMA

SHO ZK MA